S.P 5.2.2 *Memahami dan menggunakan kata majmuk mengikut konteks; (i) kata majmuk bebas dan kata majmuk mantap.*

Pilih kata majmuk yang betul dalam ayat-ayat di bawah.

1 Ramai pengunjung hadir untuk melihat persembahan _____ di Dataran Merdeka.

jati diri	seni budaya	adat budaya

2 Hasnita berasa gembira apabila dilantik sebagai _____ Kelab Perpaduan Sekolah.

setiausaha	warganegara	antarabangsa

3 Ibu menasihati anak-anak supaya sentiasa menjaga _____ dalam pergaulan dengan rakan-rakan.

gerak kerja	latih tubi	tingkah laku

4 Pertandingan Kuiz Perpaduan peringkat daerah diadakan di dewan _____ Taman Mutiara.

serba guna	serba boleh	serba tahu

5 Mereka memberikan _____ apabila diminta membantu Pak Cik Halim memasang khemah.

tandatangan	jawatankuasa	kerjasama

6 Seminggu sekali Puan Rania akan pergi ke _____ untuk membeli barang keperluan dapur.

kedai runcit	rumah teres	balai raya

7 Rakyat Malaysia unik kerana berbilang bangsa dan kaya dengan _____ yang menarik.

adat resam	adat budaya	seni reka

LIVEWORKSHEETS